

PADA 19 Julai 2018 lalu, Parlimen Israel, Knesset mengundi untuk menyokong Rang Undang-undang Negara Bangsa Israel sebagai Negara Yahudi. Rang Undang-undang ini akan dimasukkan sebagai salah satu fasal dalam Undang-undang Asas (Basic Law) yang merupakan dokumen separa perlembagaan negara itu. Dalam rang undang-undang itu, ia menyebut bahawa "Israel adalah kediaman kebangsaan (*national home*) bagi orang Yahudi."



APABILA ISRAEL DIRASMIKAN MENJADI NEGARA YAHUDI

Ia disokong oleh 62 anggota Knesset, 55 menentang dan dua berkecuali setelah perbahasan hangat. Dalam Knesset terdapat 18 anggota parlimen orang Arab. Ini bermakna ada sebilangan besar anggota parlimen Yahudi juga turut menentang rang undang-undang itu.

Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu menyifatkan kelulusan rang undang-undang itu sebagai suatu yang bersejarah kerana ia merupakan penyempurnaan perjuangan Zionisme sejak ia dimulakan oleh Theodor Herzl pada tahun 1897. Iaitu lebih 120 tahun lalu.

Perkembangan ini mungkin menghairankan banyak orang di seluruh dunia kerana umumnya menganggap bahawa negara itu sejak penubuhannya pada tahun 1948 sememangnya adalah sebuah Negara Yahudi. Ini kerana Perisytiharan

Kemerdekaan Israel yang dilakukan oleh pengasas dan ketua eksekutif pertamanya, David Ben-Gurion menyebut bahawa negaranya adalah Negara Yahudi.


Tetapi Israel tidak mempunyai perlembagaan bertulis. Ia mengamalkan sistem perlembagaan tidak bertulis. Maka selepas penubuhannya itu, para pendirinya mengambil perisytiharan itu sebagai panduan untuk pembinaan negara Israel.

Tolak Perlembagaan Bertulis

Terdapat usaha untuk menggubal perlembagaan tetapi ia ditentang oleh Ben-Gurion. Beliau menolak sebarang perlembagaan bertulis kerana tidak mahu orang Yahudi mencurahkan banyak tenaga bagi membahaskan dan bertelagah mengenai bentuk rasmi Negara Israel.

Ben-Gurion mahukan rakyat Israel menumpukan perhatian pada membina negara Israel di atas negeri Palestin yang baru ditakluki dan dirampas oleh kumpulan-kumpulan Yahudi pada tahun 1940-an itu. Dengan memahami sejarah, amalan dan perangai orang Yahudi, besar kemungkinan mereka yang aktif dalam pertubuhan Zionis sejak belasan tahun lagi menjangkakan kaumnya akan berdebat dan bertelagah tidak sudah-sudah mengenai bentuk Negara Israel yang mahu dibentuk mereka. Sememangnya orang Yahudi cenderung berbahas pelbagai perkara mengenai agama mereka hingga timbul bermacam mazhab dan suku mazhab dalam agama tersebut.

Tetapi fenomena kepelbagaian mazhab bukan hanya ada pada agama Yahudi, tetapi juga dalam Kristian, Islam, Hindu dan Buddha. Cumanya



sebagai agama yang banyak didasari pada kitab, dengan para alim mereka aktif mengkaji dan menganalisis teks yang mereka warisi, maka tidak menghairankan akan kemunculan pelbagai kefahaman dan aliran.

Bagi Ben-Gurion, orang Yahudi mesti bersatu di atas budaya dan bukannya agama. Sebab itu beliau mahukan Israel merupakan negara untuk semua orang Yahudi tanpa mengira kepercayaan dan mazhab mereka. Ini kerana sebahagian daripada orang Yahudi tidak berkepercayaan pada agama, malah ada yang ateis, tetapi mereka ini

mahu hidup berbudayakan Yahudi saja, bukannya kepercayaan atau upacara ibadat. Maka golongan inilah yang sering disifatkan sebagai Yahudi sekular.

Zionisme Fahaman Politik

Sememangnya di kalangan aktivis Zionis, banyak juga yang terdiri daripada golongan ateis, sosialis dan sekular. Zionisme menjadi satu fahaman politik nasional, dan tidak dikaitkan pada kepercayaan agama. Maka bagi Ben-Gurion, penetapan perlembagaan berkemungkinan boleh membawa debat terhadap isu sama ada mahu menjadikan Israel sebagai negara agama Yahudi, iaitu teokrasi atau demokrasi sekular.

Jika teokrasi seperti yang dikehendaki sebahagian daripada penganut agama Yahudi yang warak, maka undang-undang agama atau syariah Yahudi akan diterapkan. Tetapi terdapat banyak mazhab Yahudi yang boleh membawa kepada pertelingkahan. Sebab itulah bagi golongan demokrat, adalah lebih baik Israel menjadi sebuah negara demokratik dan sekular.

Dari satu tinjauan, dikehendaki 49 peratus Yahudi Israel menganggap diri mereka Hiloni atau sekular. Sementara 29 adalah Masorti atau tradisional, 13 peratus sebagai kuat beragama atau Dati

dan sembilan peratus adalah ultra-ortodoks atau Haredi. Namun dijangkakan, dari segi demografi, Haredi akan menjadi 20 peratus daripada Yahudi Israel menjelang tahun 2028.

Komposisi Kaum

Seperkara lagi ialah komposisi kaum. Warganegara Israel terdiri daripada dua kaum terbesar iaitu Yahudi dan Arab. Kaum Arab ini merupakan 20 peratus penduduk Israel. Penduduk Israel berjumlah kira-kira 8.4 juta. Sepuluh peratus orang Yahudi di Israel tinggal di penempatan dalam wilayah Palestin.


Kaum Arab ini adalah peribumi Israel dan mereka sebenarnya orang Palestin. Tetapi secara rasmi, orang Palestin yang menjadi warganegara Israel dipanggil Arab Israel. Mereka yang tidak menjadi warganegara Israel baru dipanggil sebagai orang Palestin. Bagaimanapun banyak orang Arab Israel mengambil identiti mereka sebagai orang Palestin.

Sementara itu, orang Druze atau Darazi walaupun dikategorikan sebagai Arab Israel menuntut supaya mereka tidak dikenali sebagai Arab tetapi kaum tersendiri. Dari segi agama, 17 peratus daripada orang Israel beragama Islam, dua peratus Kristian dan 1.6 peratus Druze. Sementara ada juga penganut agama Baha'i.



Knesset mengundi untuk menyokong Rang Undang-undang Negara Bangsa Israel.

Bagi Ben-Gurion, orang Yahudi mesti bersatu di atas budaya dan bukannya agama. Sebab itu beliau mahukan Israel merupakan negara untuk semua orang Yahudi tanpa mengira kepercayaan dan mazhab mereka. Ini kerana sebahagian daripada orang Yahudi tidak berkepercayaan pada agama, malah ada yang ateis, tetapi mereka ini mahu hidup berbudayakan Yahudi saja, bukannya kepercayaan atau upacara ibadat.



Yahudi dan Demokrasi

Sejak 2011, telah digerakkan supaya Undang-undang Asas menetapkan bahawa Israel adalah Negara Yahudi dan usaha ini disokong oleh perdana menteri, Netanyahu. Tetapi perdebatan yang berlaku ialah sama ada dengan menjadikan Israel sebagai Negara Yahudi, adakah ia bercanggah dengan sifat demokrasi, yang di dalamnya turut mengandungi sekularisme atau tidak?

Jadi, pada satu pihak, Negara Yahudi dan demokrasi tidak bercanggah. Sementara pihak yang satu lagi pula melihat terdapat percanggahan antara Negara Yahudi dan demokrasi.

Sementara dari awal lagi, gerakan Zionisme yang umumnya diaktifkan oleh golongan sosialis menuntut Israel mestilah demokratik, sekular dan ia hendaklah bukan negara rasis dan keagamaan.

Tetapi dengan memperjuangkan negara untuk sesuatu kaum, pasti ia bercanggah dengan demokrasi. Yahudi pula bukan semua menjadi warganegara Israel. Orang Yahudi yang tinggal di luar Israel dipanggil Diaspora Yahudi adalah merupakan kaum dalam negara bangsa di mana mereka tinggal. Yahudi Amerika adalah berkebangsaan Amerika dan bukan berkebangsaan Israel. **A**

Kebanyakan orang Islam dan Kristian adalah dari kalangan kaum Arab. Walaupun begitu, ada sekumpulan pengikut Yahudi Masihi atau Messianic Judaism yang berhijrah dari bekas Soviet Union. Walaupun namanya Yahudi Masihi tetapi kedua-dua pihak Yahudi dan Kristian menyifatkan mereka sebagai salah satu mazhab Kristian, dan bukannya sebahagian daripada agama Yahudi.

Sementara Druze dan Baha'i pula mempunyai asal usul daripada pecahan mazhab Syiah yang juga bersifat Sufi. Namun ia telah muncul sebagai satu agama yang dianggap terkeluar daripada Islam, baik daripada pandangan orang Sunni, Syiah ataupun Sufi. Orang Druze bagaimanapun menuntut supaya mereka diiktiraf sebagai kaum berasingan daripada Arab. Namun pihak berkuasa Israel tetap menganggap mereka orang Arab.

Ini kerana mereka berbahasa Arab, dan identiti Arab berdasarkan pada bahasa, bukannya kepercayaan agama.

Dalam kepelbagaian kaum dan agama ini adalah sukar untuk menyatakan bahawa Israel adalah Negara Yahudi. Dalam sistem negara bangsa di dunia hari ini, semua negara mempunyai pelbagai kaum dan agama. Sesebuah negara itu dikaitkan dengan kebangsaannya. Maknanya kebangsaan Israel itu menjadikan ia sebagai negara pelbagai kaum dan agama. Inilah mungkin yang menyebabkan Ben-Gurion enggan mewujudkan perlembagaan Israel.

Namun banyak kalangan di Israel menuntut supaya satu perlembagaan tetap digubal. Akhirnya dipersetujui bahawa perlembagaan Israel

hendaklah digubal secara

beransur-ansur, fasal demi fasal melalui Undang-undang Asas itu.

